

## TERMS AND CONDITIONS

### COMMODITY MURABAHAH MONEY MARKET DEPOSIT-i (CMMMMD-i)

#### 1. GENERAL

- 1.1. Commodity Murabahah Money Market Deposit-i ("CMMMMD-i") shall operate in accordance with the Shariah concepts of Commodity Murabahah (cost plus profit) via Tawarruq arrangement (monetization) whereby the Customer shall appoint and authorise and RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") shall accept the appointment and authorisation as the Customer's agent to do all acts as fully as the Customer could do himself/herself with respect to the purchase of the Shariah compliant goods and commodities ("Commodity"), which shall be specified at the time of transaction, at the purchase price to be mutually agreed between the Customer and the Bank ("Purchase Price").
- 1.2. Thereafter, the Bank shall purchase from the Customer the Commodity at the deferred sale price comprising the Purchase Price and the profit ("Deferred Sale Price") upon delivery of the Commodity.
- 1.3. The product is offered for the purpose of deposit taking.
- 1.4. No transaction can be made in gold, silver, currencies, assets to be constructed or under construction, assets which are debt in nature or any Commodity that are not halal and not Shariah compliant such as pork, alcoholic drinks, tobacco and narcotics.
- 1.5. The tenure of CMMMMD-i shall be for a minimum period of 1 day and up to a maximum of one (1) year ("Tenure").
- 1.6. The moneys deposited can be in Ringgit Malaysia ("RM") or such other currencies acceptable to the Bank. ("Placement Amount")
- 1.7. For the purposes of the Commodity Murabahah via Tawarruq arrangement transaction, the Customer shall open and maintain (if the Customer has not opened and maintained) an Islamic saving/ current account with the Bank.
- 1.8. CMMMMD-i is protected by Malaysia Deposit Insurance Corporation (PIDM).

#### 2. APPOINTMENT AS AGENT

- 2.1. The Customer agrees to appoint the Bank and the Bank agrees to accept the appointment as the agent of the Customer to do and execute all acts for purchase of the Commodity in accordance with these Terms and Conditions and to negotiate with the Commodity traders, industrial firms, their suppliers ("Supplier") and their clients on behalf of the Customer in relation thereto ("Agent").
- 2.2. Each transaction will be entered into by the Bank in the name of the Customer on a fully disclosed basis. The Bank will, in performing its obligations and activities in the transactions, act in good faith.
- 2.3. The Customer indemnifies the Bank on its first demand against all losses, claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred or sustained by the Bank as a result of the purchase of the Commodity under any transaction hereunder as agent of the Customer or a breach by the Customer any of his/ her/ their obligations of these Terms and Conditions. The indemnity given shall survive termination of these Terms and Conditions and any sums payable under it shall not be subject to any deduction whether by way of set off counter claim or otherwise.
- 2.4. The Bank shall not be obliged to enter into any transaction, nor follow any instruction of the Customer, if in the opinion of the Bank by entering into such transaction or following such instruction, the Bank or any of its affiliate would be in contravention or violation of any law, policy, rule or regulation.
- 2.5. The Customer shall be held liable for the sale and purchase contract entered into by the Bank as an agent in accordance with these Terms and Conditions, save and except where such actions, claims, demands, liabilities, losses, damages, costs and expenses arise from the gross negligence, willful misconduct, will default or fraud of the Agent.
- 2.6. The Bank will purchase the Commodity on behalf of the Customer and after possessing ownership thereafter sell the Commodity on behalf of the Customer to itself at a Deferred Sale Price.
- 2.7. The Bank is authorized to delegate its rights and duties as such agent herein to any third party to do all acts necessary for the completion of the required transactions.

#### 3. TRADE TRANSACTIONS

- 3.1. The Trade Transaction shall be executed to facilitate the acceptance of the Placement Amount from the Customer and its subsequent payment to the Customer upon maturity.
- 3.2. Subject to the provisions of these Terms and Conditions contained, the Commodity Murabahah via Tawarruq arrangement transactions shall be as follows:-
  - a) By performing placement on any Business Day (as defined in the item 3.5), the Customer agrees for the Placement Amount to be utilized by the Customer's agent to enter into a Commodity purchase transaction from the supplier ("Purchase Transaction") at a price or amount equivalent to the Placement Amount (Purchase Price).
  - b) The ownership of the Commodity shall immediately transfer to the Customer upon the completion of the Purchase Transaction;
  - c) Thereafter, the Customer shall sell the Commodity to the Bank ("Sale Transaction") at a deferred sale price on deferred payment terms (Deferred Sale Price), whereupon ownership and possession of the Commodity shall

- be transferred from the Customer to the Bank. The Deferred Sale Price shall be comprised of Placement Amount and profit amount as defined in Clause 6 below;
- d) On the last day of the Tenor ("Maturity Date"), the Bank shall pay the Deferred Sale Price under the Sale Transaction.
  - e) The Purchase Transaction and the Sale Transaction collectively shall be referred to as Trade Transactions.
  - f) In the event of renewal via standing instruction from the Customer, the subsequent Placement Amount shall be equivalent to the preceding Deferred Sales Price.
- 3.3. Notwithstanding the above, once the Customer has instructed the Bank to enter into a Purchase Transaction and the Customer fails to effect payment of the Purchase Price of the Commodity on the relevant purchase date, the Customer shall bear all actual losses and indemnify the Bank pursuant to Item 2.3 above.
- 3.4. No auto renewal is allowed. However, the Bank may ~~renew~~ renew the Customer's placement upon maturity based on the Customer written request to the Bank.
- 3.5. For the purposes of the Trade Transactions and these Terms and Conditions, the expression "Business Day" means a day (excluding Saturday, Sunday and Public Holiday) on which commercial banks are open for business in Kuala Lumpur.

#### 4. ACCOUNT OPENING FORM AND PROOF OF DEPOSIT

- 4.1 A Customer who is placing Commodity Murabahah Money Market Deposit-I (CMMMD-i) for the first time is required to complete and sign the CMMMD-i Account Opening Form.
- 4.2 Subsequent deposits placed by the same Customer shall be subject to the terms, conditions and instructions contained in the CMMMD-i Account Opening Form. Unless instructed otherwise by the Customer, the mandate given in the CMMMD-i Account Opening Form and Specimen Signatures shall apply to all subsequent deposits.
- 4.3 The issue of the Trade Confirmation Advice by the Bank shall be proof of deposit made by the Customer. The Confirmation Letter shall state, amongst others, Tenure, Profit Rate and Maturity Date. The Bank will not be issuing any Certificate of Deposit.
- 4.4 The Customer is responsible to keep the Confirmation Letter safely and is required to immediately report, in writing, its loss or destruction to the Bank. Upon production of proofs as may be required by the Bank, the execution of an indemnity in favour of the Bank and payment of service charge as the Bank may require, the Bank may re-issue the Confirmation Letter.

#### 5. MINIMUM AMOUNT OF DEPOSIT AND INCREMENTAL VALUE

- 5.1 Currently, the minimum amount of deposit to be placed by the Customer with the Bank is set at RM100,000 with no minimum incremental value. Notwithstanding this, the Bank reserves the right to vary this minimum deposit amount and the incremental value at its full discretion with prior notice to the Customer.
- 5.2 Deposits can be made into the CMMMD-i either through interbank transfer (RENTAS) or by the Customer instructing the Bank to debit any of the Customer's account maintained with the Bank. Deposits via cheque is not accepted.
- 5.3 The deposit amount shall be agreed upon between the Customer and the Bank.

#### 6. INDICATIVE PROFIT RATE AND PROFIT CALCULATION

- 6.1 The profit (if any) payable for the deposit shall be based on the profit rate for the agreed Tenure of the deposit between the Customer and the Bank.
- 6.2 Profit (if any) payable upon the Maturity Date of the deposit shall be calculated by using a profit rate calculation method based on the amount of the deposit, the Tenure of the deposit and the profit rate agreed. The profit period of the Tenure of the deposit shall be computed starting from the day the deposit's placement amount is successfully transferred to or placed with the Bank until a day before the Maturity Date of the deposit. Profit Day calculation is Actual/Number of days in a year. Number of days in a year may be 365 days or 360 days based on the applicable day count convention of the base currency.
- 6.3 The formula for profit calculation is

$$\text{Profit Amount} = \text{Placement Amount} \times \text{Profit Rate} \times \frac{\text{Tenure (days)}}{\text{Day Count Convention}}$$

- 6.4 In the event of renewal via standing instruction, the calculation of Deferred Sales Price is based on daily maturity tenure.

#### 7. TRANSFERABILITY

- 7.1. CMMMD-i being a deposit is not a Bearer Instrument and hence is not transferable to another and/ or third party.

#### 8. MATURITY

- 8.1. On its Maturity Date, the Bank shall pay the Deferred Sale Price under the Sale Transaction to the Customer whose name is stated in the Confirmation Letter issued by the Bank. Payment shall only be effected to the original source of the deposits (i.e. to the account from which the deposits originated prior to it being deposited into the CMMMD-i).

Payment via any other means or to any other account is strictly not allowed.

#### 9. EARLY WITHDRAWAL

- 9.1 Subject to the provisions herein contained the Customer warrants, represents and undertakes to the Bank that the Customer shall not demand payment of the Deferred Sale Price prior to the Maturity Date.
- 9.2 In the event such demand is made, the Customer acknowledges and agrees that the Customer will relinquish all or a part of the profit comprised in the Deferred Sale Price.

#### 10. CUSTOMER'S INSTRUCTIONS

- 10.1 The Customer is required to issue a written confirmation to the Bank for any instruction on the deposit by the cut-off time (current cut-off time is 2.00pm). Notwithstanding, such verbal instructions shall be deemed concluded as confirmed instructions from the Customer to the Bank even though the written confirmation is not received by the Bank after 2.00pm. Written instruction referred here may include instruction given via facsimile, ordinary or registered post and electronic mail.

#### 11. RIGHTS OF BANK

- 11.1 The Bank also reserves the full right and discretion to add, vary or modify any and/or all of these Terms and Conditions from time to time, by providing prior notice to the Customer but without having to provide any explanation and/ or justification to the same.
- 11.2 The Bank reserves the full right and discretion to accept or reject the deposit in full or in part from any Customer without having to provide any explanation and/ or justification to the Customer.

#### 12. MISCELLANEOUS

- 12.1 Where there are 2 persons included or comprised in the expression "the Customer", these Terms and Conditions shall be binding upon such persons jointly and severally.
- 12.2 These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and each of the parties hereto irrevocably submits to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.
- 12.3 Both the Bank and the Customer irrevocably agree and acknowledge that as at the date hereof, these Terms and Conditions, the underlying structure herein and the Trade Transactions is Shariah compliant. Accordingly, each of the parties hereto agrees that it shall not henceforth raise any dispute in relation to the Shariah compliancy of these Terms and Conditions and the Trade Transactions.
- 12.4 Subject to the Item 12.3 above, both the Bank and the Customer agree and acknowledge that if, following the date hereof, any question arises concerning a Shariah matter in any proceedings before any court or arbitrator in relation to these Terms and Conditions and the Trade Transactions, such question shall be referred to the Shariah Advisory Council established under section 51 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 for its ruling in accordance with section 56 of the Act, whose decision shall be final and binding upon the parties to these Terms and Conditions and the Trade Transactions.
- 12.5 It is agreed and acknowledged that these Terms and Conditions and each Trade Transaction is not intended to be, and shall not be, governed by the rules of the local Commodity exchange on which such Commodity are traded (as the same may be supplemented or amended from time to time) and is an OTC (over-the-counter) contract.
- 12.6 Time wherever mentioned shall be of the essence.

#### 13. DECLARATION BY THE CUSTOMER

- 13.1 The Customer confirm and undertakes that:
  - a) The Customer is not subjected to any proceedings or petition for insolvency, bankruptcy, composition, winding-up, liquidation or other similar relief under any bankruptcy, insolvency or similar law in any jurisdiction to which the Customer is subject.
  - b) The Customer authorizes the Bank to pay the balance of the amount to the Customer's survivor(s) in the event of the Customer's death.
  - c) The information given by the Customer in the CMMMD-i Account Opening Form is complete and true and further undertake to furnish the Bank with any further information or documents requested from time to time hereafter as soon as practicable upon the Bank's request for the same.

#### 14. REMINDER

- 14.1 The customer is reminded to read, understand and obtain clarification when necessary on the terms and conditions imposed.



**Principal**

Signed by for and behalf of

.....  
Name:  
Title:  
Date:

.....  
Name:  
Title:  
Date:

**Bank**

Signed by for and behalf of  
**RHB Islamic Bank Berhad**  
**Registration No.: 200501003283 (680329-V)**

.....  
Name:  
Title:  
Date:

## Terma-terma dan Syarat-syarat

### DEPOSIT KOMODITI MURABAHAH PASARAN KEWANGAN-I (CMMMD-I)

#### 1. UMUM

- 1.1. Deposit Komoditi Murabahah Pasaran Kewangan-i (CMMMD-i) beroperasi menurut konsep Syariah berasaskan Komoditi Murabahah (kos tambah keuntungan) melalui aturan Tawarruq (pengewangan) di mana Pelanggan melantik dan memberi kuasa, dan pihak RHB Islamic Bank Berhad (Bank) menerima perlantikan dan kebenaran tersebut untuk menjalankan aktiviti sepertimana Pelanggan boleh melakukannya sendiri untuk membeli barang-barang dan komoditi ("Komoditi") berasaskan Syariah, yang akan ditentukan pada waktu transaksi, berdasarkan harga belian yang dipersetujui oleh kedua-dua Pelanggan dan Bank ("Harga Belian").
- 1.2. Kemudian, Bank akan membeli Komoditi daripada Pelanggan pada harga jualan tertanggung yang terdiri daripada Harga Belian dan keuntungan ("Harga Jualan Tertanggung") pada waktu penyerahan Komoditi.
- 1.3. Produk ini ditawarkan bagi tujuan pengambilan deposit.
- 1.4. Tidak ada transaksi boleh dilakukan untuk emas, perak, mata wang, aset yang akan dibina atau dalam pembinaan, aset yang dalam keadaan berhutang dan mana-mana Komoditi yang tidak halal dan tidak menurut Syariah seperti daging babi, minuman beralkohol, tembakau, dan dadah.
- 1.5. Tempoh Deposit CMMMD-i adalah untuk minima satu (1) hari dan maksima satu (1) tahun ("Tempoh").
- 1.6. Wang yang didepositkan boleh dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau mana-mana matawang yang diterima pihak Bank. ("Jumlah Deposit")
- 1.7. Untuk tujuan transaksi Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq, Pelanggan mesti membuka (jika Pelanggan belum membuka) akaun simpanan / semasa / pelaburan dengan Bank.
- 1.8. CMMMD-i dilindungi oleh Perbadanan Insuran Malaysia (PIDM).

#### 2. PERLANTIKAN SEBAGAI EJEN

- 2.1. Pelanggan bersetuju untuk melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima perlantikan sebagai ejen tersebut untuk melakukan dan melaksanakan segala tindakan untuk pembelian Komoditi menurut Terma dan Syarat ini dan untuk berunding dengan pedagang Komoditi, firma industri, para pembekal ("Pembekal") dan klien mereka bagi pihak Pelanggan. ("Ejen")
- 2.2. Setiap transaksi akan dilaksanakan oleh Bank atas nama Pelanggan secara telus. Bank, dalam melaksanakan kewajipan dan aktiviti transaksi, akan bertindak dengan niat yang baik / secara jujur.
- 2.3. Pelanggan akan membayar pihak Bank untuk permintaan pertama terhadap segala kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa pun yang di bawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan / atau di tanggung atau dialami oleh Bank hasil dari pembelian Komoditi di bawah apa-apa transaksi termasuk sebagai ejen kepada Pelanggan atau pelanggaran perjanjian oleh Pelanggan atas mana-mana kewajipannya mereka terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Gantirugi yang diberikan akan berkekalan walaupun Terma-terma dan Syarat-syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar di bawah itu tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan, penolakan, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 2.4. Bank tidak diwajibkan untuk membuat mana-mana transaksi atau mengikut mana-mana arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapat Bank, dengan membuat transaksi tersebut atau mengikut arahan tersebut, Bank atau mana-mana pihak yang berkenaan dengannya akan melanggar mana-mana undang-undang, polisi dan peraturan.
- 2.5. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas kontrak jual beli yang dibuat oleh Bank sebagai ejen mengikut Terma dan Syarat ini, kecuali jika apa-apa tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kecuaiannya, salah laku, kelalaian atau penipuan daripada pihak ejen.
- 2.6. Bank akan membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan dan selepas Pelanggan mendapat pemilikan, kemudiannya menjual Komoditi itu bagi pihak Pelanggan kepada dirinya pada Harga Jualan tertanggung.
- 2.7. Pihak Bank juga diberi kuasa untuk mewakili hak dan tanggungjawab sebagai ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyelesaikan urusan niaga yang diperlukan.

#### 3. TRANSAKSI PERDAGANGAN

- 3.1. Transaksi Perdagangan hendaklah dilaksanakan untuk membantu penerimaan Jumlah Deposit daripada Pelanggan dan seterusnya pembayaran kepada Pelanggan apabila matang.
- 3.2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung disini, Transaksi Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq adalah seperti berikut:
  - a. Dengan melakukan deposit pada mana-mana Hari Berkerja (seperti mana ditakrifkan 3.5), Pelanggan bersetuju bahawa Jumlah Deposit akan digunakan oleh ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi pembelian komoditi daripada Pembekal ("Transaksi Pembelian") pada harga atau jumlah bersamaan dengan Jumlah Deposit (Harga Belian);
  - b. Hak milik komoditi seharusnya bertukar menjadi milik Pelanggan setelah Transaksi Belian tamat.
  - c. Kemudian, Pelanggan seharusnya menjual Komoditi kepada Bank ("Transaksi Jualan") pada harga jualan tertanggung dengan terma-terma bayaran tertanggung ("Harga Jualan Tertanggung"), dimana kepunyaan dan hak milik Komoditi seharusnya bertukar milik dari Pelanggan kepada Bank. Harga Jualan Tertanggung hendaklah terdiri daripada Jumlah Deposit dan jumlah keuntungan seperti ditakrifkan dalam Klausa 6 di bawah;
  - d. Pada hari terakhir Tempoh ("Tarikh Matang"), Bank akan membayar Harga Jualan Tertanggung di bawah

Transaksi Jualan.

- e. Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektif akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.
  - f. Sekiranya berlaku pembaharuan deposit melalui arahan tetap, daripada Pelanggan Jumlah Deposit berikutnya hendaklah bersamaan dengan Harga Jualan Tertunda sebelumnya.
- 3.3. Meskipun diatas, sebaik sahaja Pelanggan telah mengarahkan Bank untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan Pelanggan telah gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Belian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, Pelanggan harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar gantirugi kepada Bank sepertimana tercatat dalam perkara 2.3 di atas.
- 3.4. Pembaharuan secara automatik tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, Bank boleh membuat pembaharuan deposit Pelanggan apabila matang berdasarkan permintaan bertulis Pelanggan kepada Bank
- 3.5. Untuk tujuan Transaksi Perdagangan dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, istilah "Hari Berkerja" bermaksud satu hari (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) di mana bank-bank komersil dibuka untuk tujuan perniagaan di Kuala Lumpur.

#### 4. BORANG PEMBUKAAN AKAUN DAN BUKTI DEPOSIT

- 4.1 Pelanggan yang meletakkan deposit melalui CMMMD-i untuk kali pertama dikehendaki untuk melengkapkan dan menandatangani Borang Pembukaan Akaun CMMMD-i.
- 4.2 Deposit-deposit yang berikutnya oleh Pelanggan yang sama akan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan arahan-arahan yang terkandung di dalam Borang Pembukaan Akaun CMMMD-i. Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pelanggan, mandat yang diberikan dalam Borang Pembukaan Akaun CMMMD-i dan Contoh Tandatangan adalah terpakai untuk deposit-deposit yang berikutnya.
- 4.3 Pengeluaran Surat Arahan Pengesahan Transaksi oleh Bank adalah bukti deposit yang dibuat oleh Pelanggan. Surat Pengesahan akan mengesahkan, antara lainnya, Tempoh, Kadar Keuntungan dan Tarikh Matang. Bank tidak akan mengeluarkan Sijil Deposit.
- 4.4 Pelanggan bertanggungjawab untuk menyimpan Surat Pengesahan dengan selamat dan dimestikan untuk melaporkan dengan segera, secara bertulis kepada pihak Bank, sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan. Dengan mengemukakan bukti yang diperlukan Bank, pelaksanaan indemniti kepada Bank dan pembayaran caj perkhidmatan sepertimana yang diperlukan Bank, Bank boleh mengeluarkan semula Surat Pengesahan.

#### 5. AMAUN MINIMA DEPOSIT DAN JUMLAH PENAMBAHAN

- 5.1 Pada masa ini, nilai minima deposit yang mesti diletakkan oleh Pelanggan dengan Bank adalah RM100,000 dengan tiada had minima penambahan. Biarpun sedemikian, Bank berhak untuk menukar amaun minima deposit dan jumlah penambahan mengikut budi bicara mutlak Bank dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan.
- 5.2 Deposit boleh dibuat ke dalam CMMMD-i melalui pindahan antara bank (RENTAS) atau melalui arahan Pelanggan untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank. Deposit melalui cek adalah tidak diterima.
- 5.3 Jumlah deposit hendaklah dipersetujui antara Pelanggan dan Bank.

#### 6. NILAI KEUNTUNGAN INDIKATIF DAN PENGIRAAN KEUNTUNGAN

- 6.1 Keuntungan (jika ada) yang terbayar untuk deposit adalah berdasarkan nilai keuntungan untuk Tempoh deposit yang dipersetujui antara Pelanggan dan Bank,
- 6.2 Keuntungan (jika ada) yang terbayar pada tarikh matang deposit akan dikira menggunakan cara pengiraan nilai keuntungan berdasarkan amaun deposit, Tempoh deposit dan nilai keuntungan yang dipersetujui. Jangkamasa keuntungan untuk Tempoh deposit akan dikira bermula dari tarikh amaun prinsipal deposit dipindahkan atau diletakkan dengan Bank sehinggalah hari sebelum tarikh matang deposit. Pengiraan hari keuntungan adalah kadar sebenar/ Bilangan hari dalam setahun. Bilangan hari dalam setahun sama ada 365 hari atau 360 hari berdasarkan kadar bilangan hari bagi matawang yang berkenaan.
- 6.3 Formula bagi pengiraan keuntungan adalah:

$$\text{Jumlah Keuntungan} = \text{Jumlah Deposit} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \frac{\text{Tempoh (bil hari)}}{\text{Kadar Bilangan Hari}}$$

- 6.4 Sekiranya berlaku pembaharuan deposit melalui arahan tetap, pengiraan Harga Jualan Tertunda adalah berdasarkan tempoh matang harian.

#### 7. KEBOLEHPINDAHAN

- 7.1. CMMMD-i, sebagai suatu deposit, bukanlah instrument pembawa dan tidak boleh dipindah milik kepada orang lain dan / atau pihak ketiga.

#### 8. KEMATANGAN

- 8.1. Pada Tarikh Matang, Bank akan membayar Harga Jualan Tertanggung untuk Transaksi Jualan kepada Pelanggan yang namanya tertera di dalam Surat Pengesahan yang dikeluarkan oleh Bank. Bayaran akan dibuat terus kepada sumber asal deposit (iaitu ke akaun dari mana deposit berasal sebelum ianya didepositkan ke dalam CMMMD-i). Pembayaran melalui cara-cara yang lain atau kepada akaun yang lain tidak dibenarkan sama-sekali.

#### 9. PENGELUARAN AWAL

- 9.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini, Pelanggan menjamin, menyatakan dan berjanji



kepada Bank bahawa Pelanggan tidak akan menuntut bayaran dari Harga Jualan Tertanggung sebelum Tarikh Matang.

- 9.2 Sekiranya tuntutan dibuat, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan akan melepaskan semua atau sebahagian daripada keuntungan yang terkandung dalam Harga Jualan Tertanggung.

#### 10. ARAHAN PELANGGAN

- 10.1. Pelanggan mesti memberikan pengesahan bertulis kepada Bank bagi sebarang arahan berkenaan deposit sebelum Tempoh akhir (Tempoh akhir ialah 2.00 petang). Walau apa pun, arahan lisan yang telah dipersetujui antara Pelanggan dan Bank adalah dianggap sebagai arahan yang sudah dipersetujui walaupun pengesahan bertulis tidak diterima oleh Bank selepas pukul 2.00 petang. Arahan bertulis boleh merangkumi arahan yang diberikan melalui faksimili, pos biasa atau berdaftar dan mel elektronik.

#### 11. HAK-HAK BANK

- 11.1 Bank berhak dan berbudicara sepenuhnya untuk menambah, mengubah atau menukar mana-mana dan / atau ke semua terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dari masa ke semasa dengan terlebih dahulu memberikan notis kepada Pelanggan tetapi tanpa perlu memberikan sebarang penerangan dan/atau justifikasi mengenainya.
- 11.2 Bank berhak dan berbudicara sepenuhnya untuk menerima atau menolak deposit samada sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa perlu memberikan sebarang penerangan dan / atau justifikasi mengenainya..

#### 12. LAIN-LAIN

- 12.1 Apabila terdapat dua orang termasuk atau terkandung dalam ungkapan "Pelanggan", Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat individu-individu tersebut secara bersama-sama dan berasingan.
- 12.2 Terma dan Syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan setiap pihak yang terlibat tidak boleh menarik balik serahan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 12.3 Kedua-dua Bank dan Pelanggan bersetuju dan tidak boleh menarik balik persetujuan dan mengakui bahawa pada tarikh perjanjian ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, struktur yang mendasarinya dan Transaksi Perdagangan adalah berlandaskan Syariah. Oleh kerana itu, masing-masing bersetuju bahawa mereka tidak akan membangkitkan sebarang perselisihan berhubung pematuhan Syariah ke atas Terma-Terma dan Syarat- Syarat dan Transaksi Perdagangan.
- 12.4 Tertakluk kepada perkara 12.3 diatas, kedua-dua Bank dan Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa, jika selepas tarikh perjanjian ini, terdapat apa-apa pertanyaan yang timbul mengenai perkara yang melibatkan Syariah dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara berhubung dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan Transaksi Perdagangan, pertanyaan berkenaan akan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk keputusannya menurut seksyen 56 Akta tersebut, yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan mengikat semua pihak untuk Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan Transaksi Perdagangan.
- 12.5 Dipersetujui dan diakui bahawa Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan setiap Transaksi Perdagangan tidak dimaksudkan untuk menjadi, dan tidak akan ditadbir oleh peraturan Pertukaran Komoditi tempatan di mana Komoditi tersebut didagangkan (termasuk peraturan yang ditambah atau diubah dari masa ke semasa) dan merupakan kontrak melalui kaunter.
- 12.6 Apa-apa yang berkaitan masa akan menjadi intipati dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

#### 13. DEKLARASI OLEH PELANGGAN

- 13.1 Pelanggan mengesahkan dan mengakujnji bahawa :-
- Pelanggan tidak menghadapi sebarang prosiding, atau petisyen insolvensi, kebangkrapan, komposisi, penggulangan, likuidasi atau relief-relief yang serupa dibawah mana-mana undang-undang berkenaan kebangkrapan dan insolvensi di bawah mana-mana yurisdiksi yang terpakai ke atas Pelanggan.
  - Pelanggan membenarkan Bank untuk membayar baki amaun kepada waris Pelanggan sekiranya Pelanggan meninggal dunia.
  - Maklumat yang diberikan oleh Pelanggan di dalam Borang Pembukaan Akaun CMMMD-i adalah lengkap dan benar dan Pelanggan berakujnji untuk mengemukakan kepada Bank apa-apa maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank secepat mungkin.

#### 14. PERINGATAN

- 14.1. Pelanggan diingatkan supaya membaca, memahami dan mendapatkan penjelasan apabila perlu mengenai terma dan syarat yang dikenakan



**Pemilik utama**

Ditandatangani bagi dan bagi pihak

.....  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

.....  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

**Bank**

Ditandatangani bagi dan bagi pihak  
**RHB Islamic Bank Berhad**  
**Registration No.: 200501003283 (680329-V)**

.....  
Nama:  
Jawatan:  
Tarikh: